

D330

R B422 DEB  
MAHATHIR - TERHARU

MELAKA, 15 OKT. (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD TERHARU DENGAN SEMANGAT NASIONALISME DAN PERPADUAN YANG DITUNJUKKAN OLEH PARA PEMIMPIN NEGERI INI DAN RAKYAT JELATA DALAM MENJAYAKAN SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN INI.

PERDANA MENTERI BERKATA KEJAYAAN PERAYAAN ITU DAPAT DIUKUR DENGAN PENYERTAAN BEGITU RAMAI RAKYAT YANG DATANG DARI SEGALA CERUK RANTAU MEMBANJIRI PADANG PAHLAWAN BANDA HILIR.

INI TERMASUK PERTUNJUKAN YANG DIADAKAN DI PADANG ITU DI PAGI HARI BERKENAAN DAN PERASMIAN MEMORIAL PENGISYTIHARAN KEMERDEKAAN YANG DIADAKAN DI SEBELAH PETANGNYA.

BELIAU MELAHIRKAN PERASAAN ITU DALAM SURAT BERTARIKH 10 OKTOBER KEPADA KETUA MENTERI, DATUK SERI RAHIM TAMBY CHIK UNTUK MENGUCAPKAN SETINGGI-TINGGI TAHNIAH DAN PENGHARGAAN BAGI PIHAK KERAJAAN PERSEKUTUAN KEPADA KERAJAAN NEGERI KERANA MENJAYAKAN PERAYAAN.

+KEJAYAAN PERAYAAN INI TIDAK AKAN WUJUD TANPA USAHA YANG GIGIH SERTA PENGORBANAN DARIPADA SEGALA PIHAK TERUTAMA KERAJAAN NEGERI MELAKA SENDIRI DARI SEGI MORAL DAN MATERIAL+ KATA PERDANA MENTERI DALAM SURAT ITU. -- LAGI.

1529MST 15 10 85

MAHATHIR - TERHARU 2 MELAKA

SEMENTARA ITU, DALAM BALASANNYA KEPADA SURAT PERDANA MENTERI YANG DITERIMANYA SEMALAM, DATUK SERI RAHIM BERKATA KERAJAAN DAN RAKYAT NEGERI INI MERASA TERHARU DI ATAS UCAPAN TAHNIAH DATUK SERI DR. MAHATHIR DAN KERAJAAN PERSEKUTUAN ITU.

+ADALAH MENJADI AZAM KAMI DI MELAKA AGAR KEJAYAAN SAMBUTAN ULANGTAHUN KEMERDEKAAN YANG BARU LALU AKAN DAPAT MEMENUHI DAN MENEPATI HASRAT NEGARA IAITU MELAHIRKAN NASIONALISME ATAU SEMANGAT KECINTAAN KEPADA BANGSA, AGAMA DAN NEGARA YANG LEBIH MENINGKAT DAN KENTAL DI KALANGAN GENERASI MALAYSIA YANG ADA SEKARANG DAN YANG AKAN DATANG,+ KATANYA.

KERAJAAN DAN RAKYAT NEGERI INI PERCAYA DAN YAKIN +NASIONALISME+ ADALAH KOMITMEN PADU SETIAP RAKYAT TERHADAP MASA HADAPAN MALAYSIA YANG LEBIH SEJAHTERA, GEMILANG DAN BERJAYA, TAMBAH BELIAU. -- BERNAMA./ZZ.

1535MST 15 10 85